

22 JUL 2000

Mahathir-Kebencian

USAHA MAJUKAN PERTANIAN AKAN BERMASALAH, PEMBANGKANG TABUR KEBENCIAN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata banyak usaha pembaharuan untuk kebaikan rakyat dan negara, termasuk usaha memodenkan pertanian bagi memastikan petani tidak menjadi golongan termiskin, menghadapi masalah politik.

Perdana Menteri berkata sebaik saja sesuatu yang boleh memajukan pertanian cuba diperkenalkan, akan adalah orang politik yang membuat bermacam tuduhan dan melemparkan fitnah hanya kerana kepentingan politik.

"Bahawa usaha mereka untuk membangkitkan kebencian di kalangan pihak tertentu akan merugikan pihak itu sendiri tidak dipedulikan sama sekali oleh mereka ini.

"Yang penting bagi mereka ialah kebencian kepada kerajaan akan menguntungkan politik mereka," katanya ketika merasmikan pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Pertanian (MAHA) 2000 di Kompleks Sukan Bukit Jalil di sini, hari ini.

Beliau memberi contoh apabila kerajaan membelanjakan ratusan juta Ringgit untuk Sistem Perairan Muda supaya penanaman padi dapat diadakan dua kali setahun bagi meningkatkan pendapatan petani, parti pembangkang mengecam kerajaan kerana kononnya hendak memaksa petani bekerja sepanjang tahun tanpa rehat.

Katanya sekarang cakap-cakap yang tidak bertanggungjawab itu tidak lagi kedengaran tetapi sebaliknya mereka yang dahulu melempar tuduhan dan cuba menggagalkan Projek Perairan Muda dengan senang hati turun ke sawah untuk menanam padi dua kali setahun.

Dr Mahathir percaya apabila kerajaan cuba memperkenalkan cara-cara baru untuk meningkatkan hasil pertanian dan pendapatan petani di Malaysia, akan ada tuduhan yang bukan-bukan dibuat oleh pihak-pihak tertentu.

"Tentu akan ada tuduhan yang kerajaan ingin merampas hak petani, menganiaya mereka dan bermacam-macam lagi. Tuduhan-tuduhan ini akan mengganggu pelaksanaan Wawasan Pertanian dan yang akan menjadi mangsa nanti bukan orang lain tetapi petani yang miskin itu sendiri," katanya.

Dengan itu orang lain yang akan mendapat nikmat daripada pertanian modern yang akan diperkenalkan itu.

Perdana Menteri berkata beliau menyebut perkara itu awal-awal lagi kerana Malaysia telah berkali-kali mengalami kerugian besar kerana politik parti lawan yang suka menjadikan isu apa-apa sahaja rancangan kerajaan untuk memajukan rakyat dan membangunkan negara.

Beliau berkata jika tidak kerana gangguan daripada mereka kerana kepentingan politik mereka, Malaysia hari ini akan jauh lebih maju dan rakyat Malaysia di semua peringkat akan mendapat lebih banyak nikmat daripada sekarang.

-- BERNAMA

MNY RON